

06 DEC 1998

Tilawah - Keputusan

QARI IRAN, QARIAH MALAYSIA JOHAN TILAWAH AL-QURAN KE-40

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Qari dari Iran, Mohamad Gandom Najad Toosi dan qariah dari Malaysia, Sapiah Mohd menjuari bahagian masing-masing pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-40, yang berakhir hari ini.

Majlis tilawah itu, yang bermula Selasa lepas di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, disertai oleh 25 qari dan 13 qariah dari 25 negara.

Tempat kedua bahagian qari dimenangi Achmad Mudai Bakri dari Indonesia manakala Abdullah Latip M. Daud dari Filipina menduduki tempat ketiga.

Qariah dari Indonesia, Norhayati Thahir memenangi tempat kedua manakala peserta Filipina, Sitiie Noor Iman mendapat tempat ketiga.

Mohamad Gandom memperolehi markah sebanyak 91.25 mata, Achmad Mudai (87.25), dan Abdullah (86.42) manakala Sapiah mendapat 91.58 mata, Norhayati (88.92) dan Sitiie Noor (85.58).

Keputusan itu diumumkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang juga pengerusi jemaah hakim, Brig Jen (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, pada majlis itu yang disiarkan secara langsung oleh RTM malam ini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menyampaikan hadiah kepada para pemenang dan saguhati kepada semua peserta.

Johan qari dan qariah masing-masing menerima wang tunai RM10,000, piala pusingan dan piala iringan. Pemenang kedua menerima wang tunai RM7,000 dan pemenang ketiga menerima RM5,000, manakala para peserta lain masing-masing mendapat saguhati sebanyak RM1,000 seorang.

Kesemua peserta juga menerima cenderamata dan sijil penyertaan.

Majlis tilawah itu dihakimi oleh 10 hakim dari Brunei, Mesir, Indonesia, Iraq, Libya, Thailand, Arab Saudi dan Malaysia.

Yang turut hadir pada majlis penutup tilawah malam ini ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

NY RI